

26 FEB 1998

SULTAN BRUNEI TEMUI DR MAHATHIR SABTU INI

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah akan mengadakan perbincangan lanjut mengenai kegawatan ekonomi di rantau ini dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini.

Kedua-duanya, sebelum ini telah mengadakan perbincangan di Bandar Seri Begawan semasa lawatan singkat Perdana Menteri ke Brunei pada 18 Feb lepas.

Kenyataan Wisma Putra menyebut lawatan Sultan Hassanal Bolkiah itu bertujuan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir terutamanya mengenai soal menyelaraskan usaha-usaha untuk mengatasi krisis ekonomi yang melanda negara-negara di rantau ini.

Sultan Hassanal Bolkiah, yang diiringi oleh adinda baginda, Pengiran Jefri Bolkiah, yang juga pengerusi Agensi Pelaburan Brunei dan beberapa pegawai tinggi kerajaan Brunei, dijadualkan tiba di sini esok untuk lawatan dua hari.

Baginda akan disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan, Tun Daim Zainuddin.

Selepas pertemuan dengan Sultan Hassanal Bolkiah minggu lepas, Dr Mahathir berkata Brunei bersetuju dengan cadangan untuk menggunakan mata wang serantau bagi perdagangan di kalangan negara-negara anggota Asean.

Cadangan itu kini sedang dipertimbangkan oleh beberapa negara Asean termasuk Singapura. -- Bernama

AFY oba